

FAKTOR KERUNTUHAN AKHLAK  
REMAJA ISLAM LUAR BANDAR  
DI DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR

HUSIN BIN JUNOH

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011

## Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini bertujuan mengetahui spesifikasi keruntuhan akhlak, faktor keruntuhan akhlak dan usaha menangani keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan dilaksanakan bagi mendapatkan data-data sekunder. Sementara, kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan data-data primer. Dua kaedah utama kajian lapangan adalah melalui temu bual berstruktur dan soal selidik. Kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil dapatan menemui bahawa spesifikasi keruntuhan akhlak yang paling tinggi ialah spesifikasi melepak seramai 362 dari 607 orang sampel kajian. Faktor rakan sebaya paling dominan mempengaruhi keruntuhan akhlak remaja iaitu mencatat min yang tinggi sebanyak 4.13. Usaha menangani keruntuhan akhlak yang paling tinggi ialah hukuman pihak sekolah yang setimpal iaitu mencatatkan bacaan min sebanyak 3.58. Pihak FELDA telah bekerjasama dengan pihak sekolah dan polis bagi menangani masalah keruntuhan akhlak dengan mengadakan pelbagai program kesedaran dan pembangunan diri. Beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk dilaksanakan bagi mengurangkan masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Islam luar bandar khususnya di Daerah Kota Tinggi.

## Abstract

The purpose of the study is to identify factors of moral decadence among Muslim youth in rural areas Kota Tinggi, Johor. It is also seeked to know the specific moral decadence, the factors of moral decadence and to see the efforts made by various parties to address this phenomenon. The methodology used in this study are library research and field research. Library research undertaken to obtain secondary data. While, the field research conducted to obtain primary data. Two main methods used in the field research are structured interviews and questionnaires. Finding of a research found that the highest specification of moral decline was loitering which is 362 persons have done it from 607 sample. Peer group was a dominant factor in influencing moral decline which is min is 4.13. Efforts to address the highest moral punishment was appropriate that the school record of 3.58 min reading. The FELDA administration and schools in collaboration with the police have sought to address the moral decadence and conducting awareness programs and self development. Several proposals have been submitted to the relevant parties to be implemented to reduce the problem of moral decadence among young Muslims in the rural areas especially in Kota Tinggi district.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Selain akidah, ibadat dan muamalat, akhlak merupakan suatu perkara yang sangat diutamakan di dalam Islam. Menurut ‘Abd al-Karīm Zaydān, akhlak dalam Islam mempunyai tempat yang sangat tinggi. Agama dapat dinyatakan sebagai risalah untuk meninggikan akhlak dan memuliakannya.<sup>1</sup> Kenyataan ‘Abd al-Karīm Zaydān ini adalah berasas kepada hadith Nabi S.A.W seperti berikut.

Sebaik-baik orang beriman itu merupakan yang terbaik akhlaknya. Manakala, yang terbaik di kalangan terbaik pula ialah yang berlaku baik terhadap isteri mereka.<sup>2</sup>

Hadith Nabi S.A.W riwayat Abī Hurayrah R.A menceritakan bahawa Nabi S.A.W ditanya apakah amalan kebanyakan manusia yang membolehkan mereka masuk ke syurga. Baginda S.A.W menjawab bahawa sifat takut kepada Allah S.W.T dan pengamalan akhlak yang baik. Baginda juga ditanya, apakah kebanyakan amalan yang menyebabkan seseorang masuk ke neraka. Baginda S.A.W bersabda mulut dan kemaluan iaitu akibat dari perkataan yang keji dan perlakuan zina.<sup>3</sup>

Hadith Nabi S.A.W yang diriwayatkan dari Abī Dardā’ R.A membawa mafhum bahawa orang beriman yang paling dekat dengan Nabi S.A.W pada hari kiamat dalam satu majlis ialah orang yang mempunyai

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān (1976), *Uṣul al-Da‘wah*, Baghdad: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, h. 76.

<sup>2</sup> Tirmidhiy, Abū ‘Isā al-Thawrah al- (1985), *Sunan al-Tirmidhiy*, “Bāb Ḥusn al-Khuluq”, no. hadith 1162, j.9. Lubnan: Muassasah ‘Izz al-Dīn wa al-Nashar, h. 132.

<sup>3</sup> Mubārakfuriy, Abī al-‘Ulā Muḥammad ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Abd al-Rahīm al- (1990), *Tuḥfah al-Aḥwadhiy bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhiy*, “Bāb al-Birriy wa al-Ṣilah”, no. hadith 2072. j. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 120.

akhlak yang baik dan orang yang paling jauh dengan Nabi S.A.W ialah orang yang menyombong diri.<sup>4</sup>

Selain itu, orang yang paling berat timbangan kebaikan pada hari akhirat ialah orang yang mempunyai akhlak yang baik.

Nabi S.A.W bersabda dari riwayat Abi Dardā' yang bermaksud timbangan mizan yang paling berat di hari akhirat adalah orang yang bertakwa dan mempunyai akhlak yang baik. Sesungguhnya akan dibenci Allah S.W.T mereka yang mengeluarkan perkataan yang keji<sup>5</sup>

Islam sebagai agama yang syumul telah diturunkan oleh Allah S.W.T untuk memperbaiki akhlak manusia. Hal ini, dapat dilihat melalui perutusan Nabi Muhammad S.A.W sebagai Rasul yang berasal daripada bangsa Arab. Nabi Muhammad S.A.W terkenal di kalangan kabilah-kabilah arab sebagai seorang yang sangat amanah, menepati janji dan bercakap benar sehingga digelar al-Amin sebelum ditabalkan menjadi Nabi dan Rasul.

Sewaktu batu *Hajr al-Aswad* ingin diletakkan, berlaku perbalahan di kalangan pemimpin-pemimpin Quraisy sehingga hampir menumpahkan darah. Perbalahan ini merupakan akibat daripada perebutan setiap kabilah yang inginkan kelebihan mengangkat *Hajr al-Aswad*. Akhirnya, mereka memutuskan untuk melantik seorang hakim bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan memilih orang pertama yang masuk ke masjid. Atas hikmah Allah S.W.T, orang yang pertama masuk ke dalam

---

<sup>4</sup> Ibn al-'Arabiyy, al-Malikiyy (t.t.), *'Āridah al-Aḥwadhīy bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhiyy*, "Bāb al-Birriyy wa al-Ṣilah", no. ḥadīth 2321, j. 7, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 127.

<sup>5</sup> *Ibid.* h. 128.

masjid ialah Rasulullah S.A.W. Apabila melihatnya, mereka semua berkata bahawa ini dia al-Amin yang kami reda dengan hukumannya. Ini dia Muhammad.<sup>6</sup>

Demikianlah remaja seharusnya diberi didikan agama dan akhlak yang tinggi oleh ibu bapa, guru-guru dan persekitaran sejak mereka masih kecil lagi kerana didikan agama dan akhlak secara konsisten itulah yang membentuk keperibadian mulia mereka yang berkekalan hingga ke akhir usia. Sebab itulah, Allah S.W.T menyuruh hambaNya mendirikan solat sewaktu di usia tujuh tahun dan dipukul jika mereka masih tidak mengerjakan solat pada usia 10 tahun.

Remaja yang mempunyai akhlak yang tinggi serta berwawasan mendatangkan keuntungan kepada negara. Sumbangan yang diberikan daripada segi kepakaran, inovasi dan tenaga kerja merupakan pulangan yang besar kepada negara dan masyarakat. Sebaliknya, remaja yang berakhlak negatif mudah terjebak dengan pelbagai kegiatan jenayah dan maksiat seperti rompakan, pembunuhan, pelacuran dan sebagainya. Akibatnya, negara mengalami kerugian yang besar apabila menghadapi kekurangan modal insan kerana ramai dalam kalangan remaja terlibat dengan jenayah atau aktiviti yang tidak sihat.

## 1.2 Masalah Kajian

Keruntuhan akhlak remaja Islam di kawasan luar bandar merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi. Kini, masalah keruntuhan akhlak remaja bukanlah semestinya berlaku di kawasan bandar sahaja. Bahkan, turut menular di kawasan kehidupan luar bandar yang terkenal dengan adab sopan dan muafakat.

---

<sup>6</sup> Abdul Hadi Awang (1987), *Fiqh al-Harakah Dari Sirah Nabawiyah*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 62.

Melihat kepada keseluruhan fenomena keruntuhan akhlak remaja secara umum, Perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara memperlihatkan jumlah kelahiran anak tidak sah taraf yang didaftarkan pada tahun 2006 hingga 2010 ialah seramai 234,647. Daripada jumlah itu, seramai 80,979 atau 34.5% ialah bayi yang ibu kandungnya beragama Islam. Kes buang bayi pula mencatatkan sebanyak 280 kes dari tahun 2005 hingga April 2010 di seluruh negara.<sup>7</sup>

Bagi masalah dadah pula, pihak kerajaan dan bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha menangani kegiatan tersebut. Langkah pertama ialah mengurangkan atau menghapuskan sumber utama bekalan dadah. Akta Dadah 1952 memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari 5 tahun atau penjara seumur hidup dengan 10 sebatan rotan. Seseorang dianggap melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 sekiranya dia didapati menanam atau mengusahakan pokok ganja walaupun seponon. Boleh dihukum penjara seumur hidup atau dikenakan enam kali sebatan. Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 pula memperuntukkan hukuman mati mandatori bagi pengedar yang sabit kesalahan mengedar dadah. Bagi setiap kesalahan yang dibuktikan itu, mahkamah tiada kuasa budi bicara untuk mengurangkan hukuman.<sup>8</sup>

Kajian Amla Salleh *et al.* pula menunjukkan peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa bapa kurang berperanan dalam membentuk sahsiah anak-anak

---

<sup>7</sup> Utusan Malaysia Online, <http://www.utusan.com.my>, 14 Jun 2011.

<sup>8</sup> Rokiah Ismail (2010), "Pemeriksaan Pengguna Dadah Dalam Institusi Pemulihan Di Malaysia: Ke Arah Menjamin Kesejahteraan Individu Dan Masyarakat", (*Malaysian Journal of Society and Space* 6, Jil. 1 Bil. 1, Mei 2010), h. 31-49.

remaja. Kebanyakan bapa menjalankan tanggungjawab dalam memberi nafkah. Tetapi, mereka kurang berkomunikasi dan mendidik anak-anak di dalam keluarga.<sup>9</sup>

Sejak dekad pertama abad ke-21, kajian keruntuhan akhlak telah banyak membahaskan berkenaan isu-isu dadah, mat rempit, seks luar nikah, pornografi dan sebagainya. Sedangkan, kes jenayah berat seperti pembunuhan, rompakan bersenjata dan jenayah bersindiket adalah amat kurang ditimbulkan dalam kalangan pengkaji. Sehingga kini, terdapat kira-kira 150 buah kajian tentang pelbagai keruntuhan akhlak yang dikategorikan sebagai bukan jenayah berat.<sup>10</sup>

Kajian Rokiah mengenai mat rempit pula mendapati bahawa mereka adalah kumpulan generasi muda di Malaysia kini yang dikaitkan dengan aktiviti bermotosikal secara berkumpulan, terlibat dengan perlumbaan haram dan perlakuan menyimpang. Mereka mempunyai sub-budaya sendiri dan menolak budaya masyarakat umum kerana ingin mencari gaya hidup alternatif. Budaya tersebut terhasil melalui bahasa dan corak pertuturan, pakaian, aktiviti dan norma tertentu yang membezakan diri mereka dan masyarakat. Bagi mat rempit yang tinggal di Kuala Lumpur atau berhampiran dengannya, litar lumba di Jalan Raja Laut ialah litar berani maut kerana selain mempunyai selekoh tajam, mereka lebih terdedah kepada serbuan pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan.<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup> Amla Salleh *et al.* (2010), "Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsiah Remaja Dan Implikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan", (*Jurnal Pendidikan Malaysia*, Jil. 35 Bil. 2, Julai 2010), h. 9-17.

<sup>10</sup> Azlina Abdullah (2010), "Tema Dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 Di Malaysia", (*Akademika*, Jil 78, Bil. 5, Januari-April 2010), h. 3-14.

<sup>11</sup> Rokiah Ismail *et al.* (2010), "Golongan Muda Mat Rempit: Suatu Ekspresi Sub Budaya," (*Jurnal E-Bangi*, Jil. 5, Bil. 1, Oktober 2010), h. 1-10.

Bagi kesalahan remaja hamil di luar nikah pula, kebanyakan remaja perempuan yang terlibat dalam hal tersebut adalah kerana inginkan kasih sayang dari teman lelaki yang tidak diperolehi ketika bersama keluarga. Apabila ditemu bual, mereka menjawab bahawa mereka melaksanakan hubungan intim kerana ingin mempunyai teman lelaki, merasa gembira dan dapat menghilangkan tekanan perasaan.<sup>12</sup>

Hasil kajian Ardiah Jamali *et al.* pula menunjukkan bahawa remaja Dusun di Sabah mula meminum minuman keras serendah usia di bawah 15 tahun. Mereka lebih banyak meminum minuman keras tradisional. Namun, sudah cenderung untuk meminum bir yang dikategorikan sebagai minuman keras kosmopolitan. Remaja mudah memperoleh minuman keras di rumah pengusaha, kedai runcit dan restoran. Mereka sering minum di waktu perayaan, pada hujung minggu dan semasa bersama rakan sebaya. Umumnya, pengambilan minuman keras dalam kalangan remaja dipengaruhi faktor sikap dan persekitaran sosial. Remaja turut dipengaruhi faktor kebenaran minum tanpa mengira usia, dorongan rakan sebaya, daya beli remaja dan identiti kelakian.<sup>13</sup>

Naib pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye mendedahkan penahanan seramai 2,426 orang pelaku jenayah membabitkan golongan remaja dan belia termasuk pelajar sekolah dalam tempoh lima bulan tahun pertama 2011. Berdasarkan jumlah itu, seramai 992 orang tahanan merupakan pelajar manakala 1,434 bukan pelajar dan remaja. Katanya lagi, jenayah berat yang membabitkan golongan itu adalah seperti rogol, ragut dan samun berkumpulan dan samun bersenjata.

---

<sup>12</sup> Salamatussaadah Abd. Ghadur *et al.* (2009), "Hubungan Romantik Dan Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan," (*Jurnal E-Bangi*, Jil. 4, Bil. 1, Mei 2009), h. 106-113.

<sup>13</sup> Ardiah Jamali *et al.* (2009), "Pola Dan Faktor Yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia", (*GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Of Society And Space*, Jil. 5, Bil. 2, Mei 2009), h. 82-101.

Tahun 2009 menunjukkan tangkapan jenayah merupakan 7,717 orang. Jumlah itu meningkat kepada 8,105 orang.<sup>14</sup>

Sekian banyak kajian berbentuk sains sosial dijalankan untuk menangani keruntuhan akhlak yang mana telah puas kita mendengarnya kini. Pelbagai spesifikasi keruntuhan akhlak telah dinyatakan dan langkah kerajaan untuk menanganinya juga telah dikuatkuasakan dengan pelbagai bentuk pelaksanaan mengikut kuasa yang diperuntukkan. Namun, masalah keruntuhan akhlak juga tidak berkesudahan dan kadar remaja yang terlibat dengannya juga tidak surut saban tahun ke tahun. Keruntuhan akhlak remaja kelihatan berlaku di mana-mana lokasi sahaja tanpa mengira sama ada daerah bandar mahupun di luar bandar. Hal ini, menunjukkan bahawa perlunya dikaji faktor yang mencetuskan keruntuhan akhlak tersebut secara mendalam dan juga usaha menangani keruntuhan akhlak tersebut sama ada berkesan atau sebaliknya.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif, di antaranya adalah:

- 1) Mengenalpasti spesifikasi keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor.
- 2) Mengenalpasti faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor.

---

<sup>14</sup> Lee Lam Thye (2011) "2,426 Remaja, Pelajar Ditahan". *Harian Metro*, Julai 18, h. 12.

- 3) Mengenalpasti usaha menangani keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor oleh pihak kerajaan dan masyarakat setempat.

#### 1.4 Persoalan Kajian:

Disebabkan permasalahan akhlak yang berlarutan hingga mencetuskan gejala sosial, maka kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat:

1. Apakah spesifikasi keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi Johor?
2. Apakah faktor berlakunya keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi Johor?
3. Bagaimanakah usaha menangani keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi Johor yang telah dilakukan oleh kerajaan dan masyarakat setempat?

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Berikut adalah kepentingan kajian yang ingin penyelidik nyatakan di sini iaitu:

- 1) Mengetahui kekerapan spesifikasi keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar dalam kalangan remaja yang bersekolah membolehkan pihak berwajib memberi keutamaan terhadap jenis-jenis keruntuhan akhlak yang perlu ditangani segera berdasarkan statistik kekerapan spesifikasi keruntuhan akhlak yang diperolehi

dalam kajian ini. Melalui cara ini, masalah akhlak yang dihadapi akan dapat ditangani dengan lebih berkesan kerana ia dilaksanakan berdasarkan kepada tuntutan utama keruntuhan akhlak remaja Islam.

- 2) Setelah mengetahui beberapa kekurangan dalam usaha menangani keruntuhan akhlak remaja yang telah dilaksanakan. Diharapkan pihak yang bertanggungjawab dapat memperbaiki kekurangan-kekurangan tersebut dengan merancang program-program yang lebih bersesuaian dengan spesifikasi keruntuhan akhlak yang dihadapi oleh remaja tersebut.

Kajian ini penting sebagai cadangan menggerakkan usaha menangani keruntuhan akhlak remaja dengan lebih efisien mengikut peredaran zaman dari masa ke semasa. Pelbagai pihak seperti badan kerajaan, NGO, pentadbir agama, guru-guru, pentadbir FELDA serta pentadbir luar kawasan FELDA amat memerlukan kajian seperti ini demi membangunkan sumber manusia atau modal insan sebagai aset utama mereka.

## 1.6 Skop Kajian

Menurut Profesor Madya Dr. Ahmad Sunawari Long, skop kajian dapat dibahagikan kepada tiga iaitu skop masa, skop tempat dan skop subjek kajian.<sup>15</sup> Dari sudut skop masa, penyelidik menjalankan kajian pada masa tesis ini sedang disiapkan sahaja iaitu tahun sekitar tahun 2009, 2010 dan 2011.

Skop tempat memperlihatkan bahawa penyelidik telah memilih Sekolah Menengah Teknik Bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Adela sebagai skop

---

<sup>15</sup>Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, h. 40.

tempat kajian. Kedua-dua sekolah ini terletak di kawasan luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor.

Dilihat pada skop subjek kajian pula, penyelidik melakukan kajian terhadap para pelajar Sekolah Menengah Teknik Bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Adela sahaja. Para pelajar yang dikaji adalah bermula dari tingkatan 1 hingga 6 atas. Para pelajar terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan berasal dari kawasan luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor.

#### 1.7 Definisi Tajuk Kajian:

Menurut *Kamus Dewan*, faktor atau dalam bahasa Inggerisnya *factor* bermaksud unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil. Faktor antaranya bermaksud bilangan nombor jika didarab akan menghasilkan bilangan yang tertentu. Faktor juga dikenali sebagai unsur dan punca. Manakala, dalam Matematik faktor dikenali sebagai pengisi sesuatu angka. Misalnya, angka 3 dan 5 ialah faktor bagi 15.<sup>16</sup>

Akhlak ialah kata nama yang bersifat *jama'* atau *plural* yang berasal dari *khuluq*. *Khuluq* bermaksud karakter atau peribadi semulajadi. Manakala, akhlak bermaksud moral, etika yang mempunyai maksud yang baik.<sup>17</sup> Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, edisi ketiga, akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tingkah laku.<sup>18</sup> Dari segi bahasa akhlak ialah kata *jama'* daripada *al-Khuluq*. Menurut *Kamus Lisān al-'Arab* akhlak bermakna tabiat atau watak. Akhlak turut bermaksud maruah, *al-Dīn* atau fitrah

---

<sup>16</sup> Noresah binti Baharom *et al*, (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 348.

<sup>17</sup> *Ibid*, h. 521.

<sup>18</sup> *Ibid*, h. 21.

menurut *Kamus al-Muḥīṭ*. Pada hakikatnya, akhlak adalah penyifatan tentang gambaran batin seseorang. Gambaran jiwa, ciri-cirinya dan kandungannya yang tersendiri. Akhlak ini mencerminkan lahiriah, sifat seseorang dan segala kandungan sifat itu. Gambaran ini sama ada yang zahir atau batin boleh disifatkan dengan sifat yang terpuji dan sebaliknya yang tercela.

Menurut Imam *al-Ghazāliy, al-Khuluq* ialah suasana kejiwaan yang mantap yang menerbitkan perbuatan, perbuatan itu terbit begitu sahaja tanpa berfikir dan merenung panjang. Sekiranya suasana kejiwaan yang baik menjadi sumber utama, perbuatan itu mempamerkan tindak-tanduk yang baik. Tetapi, jika muncul yang sebaliknya, maka suasana kejiwaan itu dinamakan sebagai akhlak yang buruk.<sup>19</sup>

Menurut *Miskawayh* dan Imam *al-Ghazāliy*, akhlak merujuk kepada 1 situasi yang berada dalam diri iaitu *nafs* atau *soul* dan dia menjadi punca kepada segala perbuatan yang dilakukan oleh individu tersebut. Akhlak bukan sesuatu yang dilakukan oleh seseorang, tetapi dimensi dalaman yang menyebabkan perbuatan itu terjadi. Akhlak ibarat kilang, manakala perbuatan ibarat produk kilang tersebut. Jika perbuatan yang terhasil dari individu itu baik dan menepati syariah, maka individu itu dikatakan sebagai mempunyai akhlak yang baik. Begitulah sebaliknya yang akan berlaku. Pendek kata, perbuatan yang baik menunjukkan akhlak yang baik. Manakala, perbuatan yang buruk menunjukkan akhlak yang buruk.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Ghazāliy, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad, al- (1967), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Qahirah: Mutābi' Subḥ al- Arab.

<sup>20</sup> Mohd Nasir Omar (2005), *Akhlak dan Kaunseling Islam*, Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, h. 140.

Menurut *Miskawayh* dan *al-Ghazāliy* lagi, akhlak atau situasi dalaman seseorang boleh menerima perubahan dan boleh dididik menjadi baik kerana ia bersifat responsif terhadap pendidikan, latihan dan disiplin. Malah, tujuan utama agama Islam dan misi Rasulullah S.A.W adalah untuk mereformasi akhlak manusia. Andainya akhlak merupakan suatu yang statik dan tidak boleh diperbaiki, maka sudah tentu nasihat, undang-undang, kerajaan, peraturan, pendidikan, latihan, disiplin dan sebagainya akan menjadi tidak berguna bahkan tidak diperlukan lagi. Menerusi sebuah hadith Rasulullah s.a.w menasihatkan umat manusia supaya memperbaiki dan memperelokkan akhlak mereka. Sekiranya akhlak tidak boleh diperbaiki, sudah tentu Rasulullah s.a.w tidak akan bersabda demikian. Bahkan, binatang liar boleh dijinakkan untuk kegunaan manusia.<sup>21</sup>

Para falsafah dari aliran sosialisme positif seperti Livi Brill menerangkan 3 pengertian akhlak iaitu pertama ialah gagasan yang mengandungi konsep, hukum dan adat istiadat. Iaitu yang berkait dengan hak-hak manusia, kewajipan manusia antara satu sama lain yang diakui dan diterima oleh tiap-tiap individu umumnya pada masa tertentu atau peradaban tertentu. Kedua, perkataan akhlak juga dipakai untuk menunjukkan ilmu yang mengkaji fenomena ini. Ketiga, kadangkala juga digunakan ungkapan akhlak ini untuk menunjukkan penerangan-penerangan tentang ilmu ini.

Menurut Dr. ‘Abd al-Ḥamīd al-Ṣayd al-Zantāniy, akhlak membezakan di antara manusia dengan haiwan. Jiwa manusia sudah terbiasa dengan menjaga akhlak dan melakukan suluk, ibadah dan sebagainya.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 141.

<sup>22</sup> Zantāniy, ‘Abd al-Ḥamīd al-Ṣayd, al- (1984), *Ussis Tarbiyyah al-Islāmiyyah Fī Sunnah al-Nabawiyyah*, Libyā-Tunīs: Dār al-‘Arabiyyah al-Kitāb, h. 646.

Remaja sering dikaitkan dengan beberapa istilah seperti awal belia, anak muda dan orang muda. Istilah lain yang berkaitan pula digunakan bagi menerangkan sifat umum yang ada pada diri remaja sendiri, seperti baligh dan matang. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin.<sup>23</sup> Menurut *Kamus Za'ba* remaja adalah akil baligh, cukup umur, orang yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 21 tahun. Meremajakan bermaksud menjadikan remaja, keremajaan bermaksud perihal remaja.<sup>24</sup>

Dalam masa transisi ini juga, pelbagai krisis dalam diri mungkin timbul dan mengakibatkan kecenderungan akhlak remaja samada ke arah positif ataupun negatif. Melihat kepada keadaan tersebut, remaja yang hidup dalam keadaan yang kurang kondusif dan sifat keperibadian yang kurang baik akan menjadi pemicu timbulnya berbagai-bagai penyimpangan akhlak dan perbuatan-perbuatan negatif yang melanggar aturan dan norma yang ada di tengah masyarakat.

Dari sudut psikologi, zaman remaja adalah satu jangka peralihan yang berlanjutan daripada alam kanak-kanak ke peringkat dewasa yang penuh dengan konflik-konflik kehidupan.<sup>25</sup>

Pada peringkat remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada daripada segi fizikal, emosi mahupun sosial. Pada zaman inilah para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah. Malah, persekitaran ini sudah merupakan rumah kedua kepada mereka. Remaja juga banyak belajar perkara

---

<sup>23</sup> Noresah binti Baharom, *op.cit.* h. 1121.

<sup>24</sup> H.B Hamzah (2000), *Kamus Za'ba*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd., h. 957.

<sup>25</sup> Mahmood Nazar Mohamed *et al.* (2004), "Mengajar Kanak-Kanak Tentang Bahaya Dadah: Apa yang kita harapkan?" (Prosiding Seminar Kebangsaan ke-3, Psikologi dan Masyarakat 2004, Gejala Sosial Dalam Masyarakat), h. 258 - 276.

yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada tempoh-tempoh inilah para remaja mula mengubah perlakuan, sikap, dan nilai. Malah, seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa.

Sering juga diperkatakan bahawa remaja ialah kumpulan yang bakal mencorakkan masa depan negara. Kenyataan ini tidak boleh kita nafikan. Mereka ialah aset kekayaan semulajadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan dalam negara ini. Namun demikian, masalah-masalah dalam kalangan remaja adalah salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap aset yang tidak ternilai ini.

### 1.8 Kajian Literatur

Melihat ke arah senario semasa, masalah akhlak ini bukan sahaja berlaku terhadap golongan remaja yang menetap di bandar, malah turut melibatkan remaja yang tinggal di luar bandar yang jauh daripada kejutan budaya dan kesesakan lalu lintas. Bentuk masalah ini bukan sahaja akan menjejaskan imej negara, malah akan mendatangkan impak buruk kepada proses perkembangan pembangunan masyarakat luar bandar itu sendiri. Hal ini, kerana aset utamanya tidak lagi mampu memikul peranan yang sewajarnya.

Masalah sosial remaja di seluruh negeri Johor terutama kes Juvana, wanita dan gadis adalah menunjukkan berlaku peningkatan dan tidak ada tanda yang membuktikan

masalah tersebut ditangani. Kes Juvana contohnya telah dilaporkan sebanyak 497 kes pada tahun 1997. Pada tahun 1999, jumlahnya meningkat sebanyak 6.6% atau sebanyak 532 kes. Begitu juga kes wanita dan gadis, sebanyak 189 kes yang dilaporkan pada tahun 1998, telah meningkat kepada 198 kes atau 4.5% pada tahun 1999. Data ini telah diambil dari Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor atau JKM pada tahun 2000.<sup>26</sup>

Masalah akhlak yang dinyatakan di atas dipercayai mempunyai pertalian dengan masalah gejala lepak. Tanggapan ini, adalah berdasarkan pandangan Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Nordin pada tahun 1997 yang mengatakan bahawa masalah lepak ini akan membawa kepada sikap negatif seperti membuang masa tanpa haluan, tidak produktif, mengganggu ketenteraman awam dan mungkin membabitkan diri dalam kegiatan yang tidak sihat. Tanggapan ini juga disokong kuat daripada dapatan penyelidikan-penyelidikan lain yang menyatakan bahawa gejala lepak bukan sahaja membimbangkan pendidik, pentadbir, ahli politik, ibu bapa dan juga masyarakat, malah pihak berkuasa seperti polis amat memandang serius masalah akhlak ini. Kerana remaja yang melepak berkemungkinan besar terdedah kepada kegiatan jenayah.<sup>27</sup>

Menurut pihak polis, remaja lepak mudah menjadi sasaran sindiket jenayah yang mahu mengambil orang baru untuk memperluaskan kegiatan mereka. Keadaan ini adalah sesuatu yang membimbangkan dan langkah membanteras perkara ini perlu dilakukan segera.<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Nik Aziz Nik Pa (1997), "Menangani Masalah Sosial di Kalangan Remaja", (*Jurnal Jabatan Kebajikan Masyarakat*, Jil. 1, Bil. 2, Julai 1997), h. 230 - 242.

<sup>27</sup> Berita Mingguan, Julai 3, 1994:2 "Kesan Negatif Melepak".

<sup>28</sup> *Ibid*

Mengenai masalah akhlak remaja ini, Encik Othman, seorang pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, berpandangan bahawa masalah akhlak yang melanda remaja sekarang adalah banyak berpunca daripada kelalaian para ibu bapa sendiri dalam mendidik anak-anak mereka terutama pada peringkat kanak-kanak lagi. Kelalaian tersebut menyebabkan anak-anak membesar dalam keadaan kebebasan yang melampau dan kurang asas pengetahuan agama. Kesan negatifnya mereka cenderung untuk melakukan tindakan kurang sihat, akibat terdedah kepada persekitaran yang buruk tanpa benteng diri yang kukuh. Kelemahan dan kekurangan dalam penyediaan infrastruktur perlu diperbaiki. Keadaan ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai masa dan tempat yang sesuai untuk berkumpul terutama bersama orang-orang tua. Tetapi, masa dihabiskan sesama mereka dalam suasana yang membazirkan masa dan memaparkan etika dan akhlak yang buruk.

Melihat masalah akhlak remaja masa kini, mula menunjukkan masalah sosial yang serius dan menimbulkan implikasi negatif terhadap masa depan negara terutama kepada pembangunan masyarakat luar bandar. Maka, kajian terperinci untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab berlakunya masalah ini dan pendekatan yang sesuai untuk mengatasi amatlah diperlukan. Kajian melalui pendekatan bersemuka dengan penduduk masyarakat luar bandar khususnya bersama remaja yang bermasalah adalah lebih berkesan untuk tujuan ini.

Encik Nasharuddin, Penyelia Kanan Perhubungan KEMAS Negeri Johor pula berpandangan bahawa faktor penyebab masalah sosial remaja ialah kesan daripada kemunduran yang dihadapi di luar bandar. Faktor tersebut menggalakkan golongan muda berhijrah dari luar bandar ke bandar-bandar besar untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Dari sinilah bermula perubahan sikap mereka kepada perlakuan yang kurang

baik kerana terpengaruh dengan persekitaran yang kurang sesuai yang didapati di bandar-bandar. Segala keburukan tersebut dibawa pulang dan diamalkan di kampung.<sup>29</sup>

Berhubung gejala lepak, sebuah akhbar melaporkan bahawa remaja di kawasan rancangan FELDA, FELCRA dan RISDA lebih suka melepak daripada mengikuti dan menyertai program-program yang dianjurkan oleh persatuan belia setempat. Remaja lebih suka menghabiskan masa di kedai-kedai kopi dan berkumpul di tepi-tepi jalan setiap petang.

Menurut satu petikan daripada laporan Berita Harian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menubuhkan Jawatankuasa Permasalahan Sosial Peneroka FELDA JPSPF bagi menyelaraskan semua program menangani gejala sosial di FELDA, membabitkan kerjasama pelbagai kementerian. Setiausaha Parlimen Kementerian, Datuk Fauzi Abdul Rahman, yang mempengerusikan JPSPF tahun 1998, bagi membiayai pelbagai program. Sebelum ini, masalah diserahkan kepada FELDA untuk menyelesaikannya. Tetapi, bermula tahun 1998, semua pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat JKM, Kementerian Belia dan Sukan KBS, Biro Tata Negara BTN serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Negara dan masyarakat akan menjalankan program ini secara bersepadu.<sup>30</sup>

Laporan daripada 3 kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN selama 2 tahun mulai 1994, iaitu Perilaku Sosial Remaja di Semenanjung, Kaji Selidik Media melalui akhbar dan Penyiasatan Kualitatif juga

---

<sup>29</sup>Mohd Fadzil bin Abdul Rashid (2001), "Kajian Masalah Gejala Lepak Remaja di Kawasan FELDA", (Kertas Projek Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia), h. 6.

<sup>30</sup>Berita Harian, Ogos 1, 1997:2 "FELDA Membina Generasi Belia".

menunjukkan FELDA menghadapi banyak masalah akhlak melibatkan remaja masih bersekolah berbanding kampung tradisional.<sup>31</sup>

Penyelidik merumuskan bahawa kesedaran spiritual atau keyakinan agama ialah faktor penting yang perlu dimiliki individu yang bergelar remaja supaya dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengundang dosa kepada mereka. Hal ini, kerana remaja hari ini telah menganggap perbuatan yang membawa keruntuhan akhlak itu amat menyeronokkan. Menjadi insan yang baik akhlaknya dan sempurna hidupnya akan dianggap oleh mereka sebagai membosankan jika tidak disemai dengan keimanan yang tinggi pada jiwa mereka.

Beberapa kajian mengenai masalah akhlak remaja telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu di antaranya seperti Akhlak Dan Kehidupan Sosial Pelajar-Pelajar Islam UTM Yang Tinggal Di Luar Kampus. Satu Kajian Kes Di Taman Sri Skudai Dan Taman Sri Pulai. Kajian ini telah dibuat oleh Robiah binti Abdullah, pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia UTM.

Namun, kajian beliau hanya tertumpu kepada remaja-remaja pelajar Islam UTM yang menetap di luar kampus sahaja. Penekanan kajian lebih kepada perspektif pergaulan dan interaksi remaja dengan rakan-rakan sebaya, kawan-kawan serumah, jiran-jiran atau masyarakat setempat. Tesis beliau banyak membincangkan masalah sosial dan perlakuan pelajar, kegiatan dan aktiviti masa lapang pelajar, hubungan dalam kalangan pelajar serta penghayatan pelajar terhadap ajaran Islam dan nilai-nilai murni. Beliau tidak mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak dan perlakuan para

---

<sup>31</sup>*Ibid.*

pelajar berbanding kajian penyelidikan yang mana cuba mencari faktor keruntuhan akhlak.<sup>32</sup>

Selain itu, terdapat kajian lain mengenai masalah akhlak remaja yang bertajuk Kajian Psikososial Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti oleh Roslina binti Saad. Kajian ini merupakan laporan projek Sarjana beliau dari Jabatan Ikhtisas Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau pada masa ini dikenali sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM. Kajian beliau hanya menumpukan remaja yang belajar di kolej komuniti sahaja iaitu Kolej Komuniti Kepala Batas di Pulau Pinang dan Kolej Komuniti di Jasin, Melaka.

Objektif kajian beliau merupakan mengenal pasti kategori keruntuhan akhlak pelajar-pelajar di kolej komuniti. Kedua, mengenal pasti hubungan di antara keruntuhan akhlak dengan prestasi akademik pelajar-pelajar kolej komuniti. Ketiga, merupakan mengenal pasti pengaruh persekitaran terhadap keruntuhan akhlak pelajar-pelajar kolej komuniti. Pada bab 4 dan 5, beliau banyak melakukan analisis soal selidik dan perbincangan. Beliau telah meletakkan hasil kajian rintis pada Lampiran B yang turut mengandungi nilai kebolehpercayaan soal selidik berdasarkan bacaan Alpha Cronbach, SPSS.<sup>33</sup>

Selain itu, penyelidik turut meneliti projek ilmiah oleh Mohd Raziman bin Razmi yang bertajuk Mengenal Pasti Punca Dominan Berlakunya Masalah Disiplin Daripada Persepsi Pelajar Bermasalah Di Sekolah Menengah Teknik. Kajian ini

---

<sup>32</sup>Robiah binti Abdullah (2001), "Akhlak Dan Kehidupan Sosial Pelajar-Pelajar Islam UTM Yang Tinggal Di Luar Kampus. Satu Kajian Kes Di Taman Sri Skudai Dan Taman Sri Pulai", (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai), h. 8, 72.

<sup>33</sup>Roslina binti Saad (2006), "Kajian Psikososial Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti", (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn), h. 7.

dilakukan oleh beliau pada tahun 2007. Batasan kajian beliau mempunyai persamaan dengan penyelidik iaitu kajian beliau dilakukan terhadap remaja yang masih berada di bangku sekolah menengah. Beliau memfokuskan kajian kepada pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Objektif kajian beliau merupakan mengenal pasti hubungan antara pelajar dengan ahli keluarga dalam membentuk perlakuan pelajar. Mengenal pasti guru, rakan serta keadaan sekeliling dalam membentuk perlakuan pelajar dan mengenal pasti amalan kerohanian harian pelajar dalam membentuk perlakuan pelajar.<sup>34</sup>

Seterusnya, penyelidik telah melihat hasil kajian saudara Mohd Farhan ‘Uzair bin Paisan yang bertajuk Tinjauan Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian beliau ini lebih memberi tumpuan terhadap gejala-gejala awal kemurungan, faktor-faktor menyebabkan kemurungan dan tindakan negatif atau positif bagi mengatasi masalah kemurungan pelajar seperti bertindak ganas atau beribadat kepada Tuhan dan beriadah. Skop kajian beliau hanyalah kepada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sahaja.<sup>35</sup>

Kajian terkini yang telah penyelidik lihat ialah kajian ilmiah Nurul Hikmah binti Jahwari yang bertajuk Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Skop kajian beliau juga tertumpu pada pelajar-pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia terdiri daripada 6 buah fakulti. Di antaranya ialah Fakulti Pendidikan Teknikal FPTEK, Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar FKAAS, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

---

<sup>34</sup>Mohd Raziman bin Razmi (2007), “Mengenal Pasti Punca Dominan Berlakunya Masalah Disiplin Daripada Persepsi Pelajar Bermasalah Di Sekolah Menengah Teknik”, (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), h. 8.

<sup>35</sup>Mohd Farhan ‘Uzair bin Paisan (2008), “Tinjauan Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia”, (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), h. 30.

Dan Elektronik FKEE, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan FKMP, Fakulti Pengurusan Teknologi FPT dan Fakulti Teknologi Maklumat Dan Multimedia FTMM. Objektif kajian beliau ialah pertama mengenal pasti faktor utama keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar UTHM.

Kedua, mengetahui kekerapan keterlibatan pelajar dalam gejala keruntuhan akhlak. Ketiga, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara keruntuhan akhlak pelajar mengikut jantina. Keempat, mencari perbezaan yang signifikan di antara keruntuhan akhlak pelajar mengikut umur. Skop kajian beliau juga berbeza dengan penyelidik. Beliau memberi penumpuan terhadap masalah akhlak remaja yang menuntut di IPTA. Sedangkan, penyelidik memfokuskan masalah akhlak remaja yang berada di sekolah menengah. Penyelidik yakin bahawa remaja yang berada di sekolah menengah lebih mudah terlibat dengan masalah akhlak berbanding remaja yang berada di IPTA kerana pengaruh rakan sebaya yang lebih kuat serta keupayaan berfikir secara matang adalah rendah.<sup>36</sup>

Penyelidik turut meneliti kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008 yang telah dibentangkan oleh Hashim bin Haji Bedu, Khairul Helmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid dan Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor. Kertas kerja mereka bertajuk *Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran*. Tumpuan kertas kerja ini adalah kepada isu-isu keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang terdiri daripada pengaruh budaya barat seperti *Skinhead*, *Punk* dan *Black Metal*. Turut ditekankan adalah isu maksiat, penagihan dadah, pembuangan bayi, mat rempit dan vandalisme yang berlaku dalam keluarga di Malaysia.

---

<sup>36</sup>Nurul Hikmah binti Jahwari (2008), "Faktor-faktor Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia", (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), h. 8.

Kajian turut menumpukan faktor dan kesan keruntuhan akhlak selain membincangkan usaha mengatasi keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga. Kesan dan cabaran keruntuhan akhlak dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti kesan ke atas individu, kesan ke atas keluarga, kesan ke atas masyarakat dan kesan ke atas negara. Terdapat perbezaan kajian ini dengan apa yang telah dilakukan oleh penyelidik. Perbezaan yang dimaksudkan ialah penyelidik memfokuskan aspek keruntuhan akhlak terhadap remaja yang masih bersekolah. Sedangkan kajian Hashim bin Haji Bedu dan rakan-rakannya hanya memfokuskan keruntuhan akhlak terhadap keluarga.<sup>37</sup>

Penyelidik seterusnya meneliti kajian Fizwani binti M. Sarkawi, Suhana binti Sarmadan, Mohammed Sharif bin Mustaffa dan Sulaiman Shakib bin Mohd Noor. Kertas kerja seminar mereka adalah bertajuk Mengenal Pasti Punca-Punca Dan Kaedah Menangani Tingkah laku Sumbang Mahram. Kajian ini menumpukan 1 sahaja salah laku iaitu sumbang mahram. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti punca-punca dan kaedah menangani tingkah laku sumbang mahram.

Punca-punca sumbang mahram yang dinyatakan di antaranya ialah kegagalan isteri memenuhi keperluan nafsu suami. Faktor kedua ialah tahap iman yang lemah dalam mengelakkan diri dari bahan lucah. Faktor ketiga ialah tidak menjaga batas pergaulan, Faktor keempat ialah tidak mengamalkan kehidupan yang dianjurkan Islam dan faktor kelima ialah keruntuhan institusi keluarga atau perkahwinan.

Kaedah menangani yang dicadangkan antaranya ialah menggalakkan mangsa melaporkan kegiatan sumbang mahram, media perlu memberitahu cara mangsa

---

<sup>37</sup> Hashim bin Haji Bedu (2008), "Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran", (Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai), h. 51 - 63.

membela diri, hukuman yang lebih berat, pengawalan bahan lucuh, membataskan pergaulan, peranan masyarakat supaya prihatin terhadap perbuatan tersebut, galakan perkahwinan, menjaga aurat, tambahan bilik dalam infrastruktur rumah dan mengukuhkan taraf ekonomi keluarga. Fizwani dan rakan-rakannya hanya menumpukan spesifikasi kajian kepada sumbang mahram sahaja. Sedangkan, penyelidik memfokuskan kepada 10 spesifikasi kajian iaitu merokok, minum arak, mengambil pil khayal atau Ecstasy, menghisap ganja atau dadah, gangsterisme, vandalisme, seksual, memberontak, lari dari rumah dan melepak.<sup>38</sup>

Kajian Prof. Madya Dr. Azizi bin Haji Yahaya adalah bertajuk “Pembentukan Personaliti Remaja”. Kajian ini menekankan faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti remaja. Faktor yang dinyatakan di antaranya ialah baka, bentuk tubuh badan, fizikal, kecerdasan, emosi, pengalaman awal ketika kanak-kanak, pengaruh keluarga, pengaruh kebudayaan, pengaruh kawan dan pengaruh sekolah. Pengaruh yang dinyatakan adalah dikaitkan sama ada dengan perlakuan yang positif atau negatif. Kajian ini lebih menjurus kepada aspek kaunseling dan psikologi remaja berbanding kajian penyelidik yang lebih berorientasikan kajian kes remaja.<sup>39</sup>

Penelitian seterusnya penyelidik lakukan terhadap tesis seorang pelajar Sarjana Bimbingan Dan Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau ialah Maizatul Akmam binti Abu Bakar. Kajian beliau bertajuk “Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya Dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar.” Hubungan keluarga dinilai seperti aspek kemesraan di antara ahli keluarga,

---

<sup>38</sup> Fizwani binti M. Sarkawi *et al.* (2008), “Mengenalpasti Punca-Punca Dan Kaedah Menangani Tingkahlaku Sumbang Mahram” (Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008), h. 43 - 51.

<sup>39</sup> Azizi Hj. Yahaya (2008), “Pembentukan Personaliti Remaja” (Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008), 1 - 16.

kekerapan meluangkan masa sesama ahli keluarga dan sejauh mana keluarga mengetahui aktiviti pelajar.

Pengaruh rakan sebaya dikaji dari aspek sistem kepercayaan, pengaruh, keinginan untuk bersama dan penerimaan rakan sebaya, pandangan pelajar terhadap orang lain dan bagaimana mereka ingin diri mereka diterima oleh rakan sebaya. Responden kajian adalah pelajar sekolah menengah tingkatan 4. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat kaitan di antara hubungan keluarga dengan tahap kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen. Hubungan keluarga yang baik biasanya mendorong kecerdasan pelajar dan menghindari mereka dari gejala sosial. Kajian ini memfokuskan pelajar tingkatan 4 sahaja berbanding kajian penyelidikan yang memfokuskan kajian dari tingkatan 1 hingga 6.<sup>40</sup>

Kajian seterusnya ialah kajian K. Shoba anak perempuan C. Karupayya. Kajian Ijazah Sarjana beliau bertajuk “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor”. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar dari persepsi guru-guru disiplin dari 20 buah sekolah menengah di Johor. Hasil kajian mendapati bahawa jenis masalah disiplin seperti merosakkan harta benda, buli, ponteng dan kurang sopan berada pada tahap tertinggi.<sup>41</sup>

Kajian Sharifah Raudzah binti Syed Junid pula bertajuk “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar Dan Hubungannya Dengan Personaliti Pelajar”.

---

<sup>40</sup>Maizatul Akmam binti Abu Bakar (2007), “Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya Dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar”, (Kertas Projek Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia), h. 7.

<sup>41</sup>K. Shoba A/P C. Karupayya (2007), “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor” (Kertas Projek Sarjana Universiti Teknologi Malaysia), h. 2.